

Hussein letak jawatan Ketua UMNO J. Bahru

JOHOR BAHRU, Isnin — Bekan Perdana Menteri, Tun Hussein Onn semalam mengumumkan perletakan jawatan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru.

Keputusan itu diambil, katanya, kerana kesihatan tidak mengizinkan.

Berucap dalam satu majlis perjumpaan Hari Raya anjuran Bahagian tersebut, Tun Hussein berharap ahli-ahli Bahagian itu akan menyokong penuh pemimpinnya yang baru.

Timbalan Ketua Bahagian itu ialah Dato Hajah Hasnah Ahmad. Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru adalah jawatan terakhir dilepaskan oleh Tun Hussein.

Sebelum ini, beliau meletakkan jawatan Presiden UMNO, Perdana Menteri, dan yang terbaru, Ahli Parlimen Seri Gading Selasa lalu.

Peralihan

Tun Hussein berkata, beliau memang sengaja meletakkan jawatan peringkat demi peringkat untuk menjamin peralihan kuasa yang licin.

Menurutnya, beliau ingin meneruskan perkhidmatannya tetapi kesihatan tidak mengizinkan dia berbuat demikian.

Bahagian UMNO Johor Bahru menghadahkan beliau sebuah peti televisen warna.

Tun Hussein berkata, ramai bertanya apa yang hendak dibuat selepas bersara.

"Oleh kerana sekarang saya ada banyak masa, saya akan bermain tepuk amal-amal dengan isteri saya," katanya disambut gelak ketawa oleh hadirin.

Turut hadir Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat yang berkata, jasa-jasa Tun Hussein sebagai pemimpin yang membawa negara ke arah kejayaan tidak akan dilupai oleh ahli-ahli UMNO.



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia